22.	26/04/2018	Kediaman	Seorang remaja maut akibat terkena renjatan elektrik ketika memasang lampu fluorescent 1x18W di beranda rumahnya.	Mangsa sendiri
23.	26/04/2018	Tapak pembinaan	Seorang pekerja subkontraktor maut akibat terkena renjatan elektrik semasa memegang kabel talian atas jenis ABC 4C x 95 sqmm (pada fasa biru) yang telah kendur, di mana penebat kabel yang dipegang oleh mangsa telah terkoyak sewaktu menjalankan kerja tanah dan pemasangan cerucuk di tapak pembinaan.	Pemasangan/ senggaraan tidak sempurna
24.	28/04/2018	Kilang	Seorang pekerja kontraktor maut akibat terkena pancaran arka apabila membuka penutup panel MCCB semasa melakukan kerja-kerja pemeriksaan di bilik <i>Low Voltage</i> (LV).	Prosedur kerja selamat tidak dipatuhi
25.	30/04/2018	Kediaman	Seorang kanak-kanak perempuan cedera akibat terkena renjatan elektrik semasa memegang jeriji besi pintu depan rumahnya yang menjadi bertenaga disebabkan oleh arus bocor yang mengalir melalui konduktor daripada kabel servis utiliti yang luka dan bersentuhan dengan jeriji besi rumah tersebut.	Pemasangan/ senggaraan tidak sempurna
26.	04/05/2018	Kediaman	Seorang anggota bomba cedera akibat terkena renjatan elektrik di dalam lopak air yang berpunca daripada talian perkhidmatan yang terputus daripada rumah akibat kebakaran dan terjatuh ke tanah lalu menyebabkan kawasan tersebut mempunyai arus elektrik semasa berusaha menghalang api daripada merebak ke rumah yang berhampiran.	Pemasangan/ senggaraan tidak sempurna

No.	Tarikh	Lokasi	Ringkasan	Punca
27.	22/05/2018	Talian atas voltan rendah	Orang awam maut akibat terkena renjatan elektrik dari kabel talian yang putus namun masih bertenaga kerana fuis 100A di <i>feeder pillar</i> tidak memutuskan bekalan. Punca kabel putus adalah kerana penggesaran dengan dahan/pelepah sawit dalam jangka masa yang panjang tanpa disedari oleh penduduk sekitar yang menyebabkan tiada aduan dibuat lebih awal kepada pihak utiliti sebelum kabel putus.	Pemasangan/senggaraan tidak sempurna
28.	23/05/2018	Kediaman	Orang awam maut akibat terkena renjatan elektrik ketika cuba untuk memasukkan <i>cable puller</i> ke dalam <i>conduit main line</i> dari meter ke papan suis yang masih bertenaga semasa membuat penambahan pendawaian pada sebuah rumah.	Pemasangan/senggaraan tidak sempurna
29.	01/06/2018	Stesen keretapi	Seorang juruteknik cedera akibat terkena renjatan elektrik kerana tersentuh <i>busbar</i> di dalam <i>Track Feeder Isolator</i> ketika melakukan kerja pemeriksaan bagi mengesan kerosakan di <i>Track Feeder Isolator</i> . Keadaan radas masih bertenaga apabila kerja pemeriksaan dijalankan dan mangsa tidak memakai peralatan perlindungan diri yang lengkap serta tidak mengambil langkah awasan yang mencukupi semasa bekerja.	Prosedur kerja selamat tidak dipatuhi
30.	10/06/2018	Kilang	Seorang Pengurus Jabatan Kejuruteraan di kilang yang tidak memiliki sijil kompeten cedera akibat terkena pancaran arka semasa cuba menghidupkan <i>Molded Case Circuit Breaker (MCCB)</i> pada panel voltan rendah di dalam bilik <i>Motor Control Center (MCC)</i> .	Prosedur kerja selamat tidak dipatuhi
31.	13/06/2018	Kilang	Pekerja kilang maut akibat terkena renjatan elektrik ketika sedang membuat kerja kimpalan dengan set kimpalan jenis mudahalih. Mangsa tidak memakai sarung tangan keselamatan semasa memasukkan <i>welding rod</i> ke pemegang elektrod lalu menyebabkan sentuhan secara langsung pada <i>welding rod</i> semasa mesin kimpalan dalam keadaan hidup. Oleh itu, aliran elektrik menjadi litar lengkap dan seterusnya menyebabkan mangsa terkena renjatan elektrik.	Prosedur kerja selamat tidak dipatuhi
32.	21/06/2018	Talian atas voltan rendah	Seorang kanak-kanak maut akibat terkena renjatan elektrik yang disebabkan oleh sambungan elektrik secara haram.	Pemasangan/senggaraan tidak sempurna
33.	11/07/2018	Talian atas voltan rendah	Seorang pekerja utiliti akibat terkena renjatan elektrik ketika memegang wayar neutral semasa melakukan kerja pembaikan wayar voltan rendah. Terdapat arus elektrik bocor dari fasa merah ke neutral di litar keluaran, di mana terdapat kabel fasa merah dan neutral yang terlepas daripada <i>shackle</i> dan kemudian jatuh ke <i>D-bracket</i> sehingga penambat luka, dan kemudian arus dari kabel fasa merah mengalir ke kabel neutral melalui dawai <i>earthing</i> di dalam tiang konkrit.	Pemasangan/senggaraan tidak sempurna

No.	Tarikh	Lokasi	Ringkasan	Punca
34.	13/07/2018	Kabel bawah tanah	Seorang lelaki cedera terkena renjatan elektrik semasa kerja pengorekan tanah untuk menanam papan tanda dan terkena kabel bawah tanah utiliti yang bertenaaga.	Aktiviti kerja orang awam berhampiran pemasangan elektrik
35.	24/07/2018	Stesen keretapi	Seorang lelaki maut terkena renjatan elektrik semasa membuat kerja menukar mod suis lampu yang dikawal secara manual ( <i>bypass switch</i> ) kepada mod automatik (yang dikawal oleh pemasa). Hasil ujian mendapati tiada sebarang kebocoran arus elektrik yang berlaku pada papan agihan dan PAB juga berfungsi dengan baik.	Punca-punca lain
36.	13/08/2018	Talian atas voltan tinggi	Seorang pembantu kren yang membantu operator <i>crawler machine</i> mengeluarkan <i>counter weight mobile crane</i> daripada kawasan dalam rentis utiliti cedera akibat terkena pancaran arka apabila <i>crawler machine</i> berada terlalu hampir dengan talian penghantaran utiliti.	Aktiviti kerja orang awam berhampiran pemasangan elektrik
37.	15/08/2018	Pencawang masuk utama (PMU)	Seorang pekerja utiliti cedera akibat terkena pancaran arka ketika melakukan kerja-kerja penyelenggaraan pada <i>isolator</i> di dalam <i>switchyard</i> di PMU.	Prosedur kerja selamat tidak dipatuhi
38.	15/08/2018	Pencawang elektrik	Seorang pekerja senggaraan kilang cedera akibat terkena percikan arka ketika memusing tombol pemilihan voltmeter pada panel bekalan dalam bilik pencawang elektrik. Mangsa berada dalam bilik pencawang untuk memeriksa keadaan bekalan elektrik di kilang kerana sebelum itu terdapat satu insiden percikan arka pada kabel bawah tanah yang berlaku apabila kontraktor pemasangan paip bekalan air melakukan kerja pengorekan berhampiran kilang.	Pemasangan/ senggaraan tidak sempurna
39.	17/08/2018	Talian atas voltan rendah	Orang awam cedera akibat terkena renjatan elektrik apabila menyentuh tiang elektrik voltan rendah jenis besi yang menjadi bertenaaga setelah bersentuhan kabel PVC yang luka. Wayar talian voltan rendah telah terlepas daripada <i>pin insulator</i> dan menyentuh <i>D-Bracket</i> .	Pemasangan/ senggaraan tidak sempurna
40.	24/08/2018	Kawasan kampung	Orang awam maut akibat terkena renjatan elektrik semasa menuba ikan dengan menggunakan teknik renjatan elektrik yang dihasilkan daripada set janakuasa mudah alih.	Salahguna sistem pendawaian untuk memancing ikan
41.	10/09/2018	Kediaman	Kanak -kanak maut akibat terkena renjatan elektrik ketika memegang paip konduit dawai bumi yang mengalami kebocoran arus ke bumi pada wayar bumi ketika sedang bermain di sekitar rumah.	Pemasangan/ senggaraan tidak sempurna



No.	Tarikh	Lokasi	Ringkasan	Punca
42.	21/09/2018	Pencawang elektrik	Pekerja kontraktor utiliti terkena percikan arka ketika sedang membuka clamp alat <i>data logger</i> . Secara tiba-tiba berlaku percikan arka di tamatan link fasa biru pada <i>feeder pillar DIN Type</i> .	Prosedur kerja selamat tidak dipatuhi
43.	04/10/2018	Kediaman	Pekerja utiliti cedera akibat terkena percikan arka ketika sedang menjalankan kerja-kerja penukaran jangka tiga fasa di premis pengguna. Punca kemalangan berlaku kerana terdapat pengusikan di pemasangan meter di premis berkenaan.	Prosedur kerja selamat tidak dipatuhi
44.	17/10/2018	Kawasan kampung	Orang awam maut akibat terkena renjatan elektrik ketika melalui kawasan jalan berair yang mempunyai sambungan elektrik secara haram.	Pemasangan/ senggaraan tidak sempurna
45.	22/10/2018	Kediaman	Seorang warga Rohingya maut akibat terkena renjatan elektrik yang disebabkan oleh arus bocor yang mengalir ke badan mangsa daripada peralatan elektrik di rumahnya yang dipenuhi air akibat banjir (paras lutut) dimana berlakunya litar pintas dan kebocoran arus.	Punca-punca lain
46.	28/10/2018	Talian atas voltan tinggi	Seorang pekerja kontraktor cedera terkena percikan arka kerana melepasi jarak kelegaan selamat di talian 33 kV yang masih bertenaga semasa melakukan kerja memasang kabel jenis fiber optik pada tiang servis milik pihak telekomunikasi yang merentasi bahagian bawah talian atas 33 kV tersebut.	Aktiviti kerja orang awam berhampiran pemasangan elektrik
47.	29/10/2018	Kebun	Orang awam maut terkena renjatan elektrik ketika cuba mengalihkan dawai besi bersimpul yang menghalang laluan beliau di kawasan kebun. Dawai besi tersebut bersentuhan dengan pemegang salur air besi. Manakala pemegang salur air besi tersebut tersentuh paku pada kayu tiang khemah yang juga bersentuhan dengan kabel talian ABC 3x16mmp + 25mmp yang telah luka. Talian tersebut melalui kawasan kebun berkenaan tanpa sebarang tiang TNB dan hanya diikat pada kayu tiang khemah kebun.	Pemasangan/ senggaraan tidak sempurna
48.	07/11/2018	Talian atas voltan tinggi	Seorang pekerja am bagi kerja menanam tiang dan memasang aksesori untuk projek kabel fiber di bawah syarikat telekomunikasi cedera akibat terkena renjatan elektrik apabila tangga aluminium yang dilaraskan mangsa tersentuh dengan talian utiliti 11 kV.	Aktiviti kerja orang awam berhampiran pemasangan elektrik
49.	21/11/2018	Talian atas voltan tinggi	Dua orang pekerja syarikat percetakan iklan (satu maut, satu cedera) terkena renjatan elektrik apabila tangga yang dipakai terjatuh dan tersentuh pemasangan voltan tinggi kabel jenis AAC semasa sedang memasang kain rentang iklan.	Aktiviti kerja orang awam berhampiran pemasangan elektrik

No.	Tarikh	Lokasi	Ringkasan	Punca
50.	24/11/2018	Premis komersial	Seorang lelaki maut akibat terkena pancaran arka yang telah berlaku di bilik salur elektrik apabila mangsa menghidupkan bekalan elektrik di dalam bilik tersebut.	Pemasangan/ senggaraan tidak sempurna
51.	03/12/2018	Kediaman	Seorang lelaki ditemui maut sambil memakai <i>earphones</i> di telinga dan tersambung pada telefon bimbitnya yang berada dalam keadaan bercas di <i>extension plug</i> .	Kecacatan pada peralatan/ perkakasan elektrik
52.	11/12/2018	Pelantar ikan	Seorang lelaki maut akibat terkena renjatan elektrik apabila telah menyentuh soket yang terdedah dan telah pecah ketika cuba memasukkan palam ke dalam soket tersebut sewaktu ingin memperbaiki bot.	Pemasangan/ senggaraan tidak sempurna
53.	19/12/2018	Kabel bawah tanah	Tiga pekerja kontraktor cedera akibat terkena percikan arka apabila bilah jengkaut terkena kabel hidup bawah tanah semasa kerja-kerja pengorekan tanah bagi merentang kabel jenis XLPE bersaiz 240mmp 11 kV milik TNB di lokasi kejadian.	Aktiviti kerja orang awam berhampiran pemasangan elektrik
54.	26/12/2018	Sekolah	Seorang pekerja kontraktor (kontraktor tidak berdaftar sebagai kontraktor elektrik dengan Suruhanjaya Tenaga) maut apabila mangsa tersentuh bahagian pengalir wayar servis TNB ketika secara sukarela hendak memasang wayar tersebut ke <i>Cut-Out</i> di papan meter bagi kerja naik taraf bekalan satu fasa ke tiga fasa.	Pemasangan/ senggaraan tidak sempurna
55.	29/12/2018	Kediaman	Seorang ahli bomba cedera akibat terkena renjatan elektrik semasa memadamkan api kebakaran di kawasan rumah tersebut. Kemalangan berlaku sebelum pihak utiliti tiba ke kawasan kebakaran untuk memutuskan bekalan elektrik.	Prosedur kerja selamat tidak dipatuhi
56.	29/12/2018	Kilang	Seorang pekerja kilang maut akibat terkena renjatan elektrik ketika sedang membuat kerja-kerja pengimpalan. Tiada kebocoran arus pada mesin kimpalan dan kabel sambungan ke mesin kimpalan tersebut. Sistem perlindungan <i>earth fault relay</i> juga berfungsi dan dalam keadaan baik.	Punca-punca lain

## Ringkasan Beberapa Kes Kemalangan Elektrik pada 2018

### 1. Kemalangan Elektrik Tidak Maut Di Talian Atas Voltan Tinggi

Tarikh dan Masa	22 April 2018, 1.30 pagi
Lokasi	Talian atas voltan tinggi
Bilangan Mangsa	Empat mangsa cedera
Jantina	Lelaki
Pekerjaan	Pekerja Sukarela
Jenis Pemasangan Elektrik	132 kV
Ringkasan Kes	Mangsa-mangsa telah terkena <i>flashover</i> ketika menaikkan buluh dan menghampiri talian 132 kV. Mangsa dipercayai menggunakan sebatang buluh sebagai tiang bendera bagi tujuan menaikkan bendera parti politik mereka. Jarak di antara buluh dengan talian melepasi <i>clearance</i> yang sepatutnya bagi talian 132 kV. Tiga orang mangsa yang sedang menaikkan buluh telah pengsan dan rebah serta-merta, manakala seorang lagi mangsa yang berada di atas jambatan telah terpelanting ke seberang jalan dan pengsan di lokasi.
Punca Kemalangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jarak antara buluh dengan talian telah melepasi <i>clearance</i> yang sepatutnya bagi talian 132 kV.</li> <li>Buluh yang digunakan masih lembab.</li> <li>Kecuaian dan kurang pengetahuan mangsa berkaitan bahaya aktiviti di bawah talian penghantaran voltan tinggi.</li> <li>Kerja-kerja dilakukan pada waktu malam dan keadaan persekitaran yang gelap menyebabkan mangsa tidak menyedari bahawa terdapat talian di atas mereka.</li> </ul>
Cadangan Untuk Mengelakkan Kemalangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pihak TNB meletakkan sebuah papan tanda yang lebih jelas di kawasan-kawasan laluan utama dan tumpuan aktiviti penduduk di bawah talian penghantaran.</li> <li>Pihak TNB bersama-sama ST mengadakan kempen kesedaran keselamatan di bawah talian penghantaran secara insentif bersama orang awam.</li> </ul>



Gambar 5: Ketinggian Talian dan Tanda Amaran

1. Ukuran Ketinggian Antara Talian Paling Bawah dengan Tanah (12.41meter)
2. Tanda Amaran Bahaya Talian Penghantaran Dalam Keadaan Tidak Memuaskan Seperti Tersorok dan Usang



Gambar 6: Ukuran Panjang Buluh yang Terlibat Ketika Kemalangan (16.26 meter)

## 2. Kemalangan Elektrik Maut di Premis Kediaman

<b>Tarikh dan Masa</b>	23 Mei 2018, 2.00 petang
<b>Lokasi</b>	Premis Kediaman
<b>Bilangan Mangsa</b>	Satu mangsa maut
<b>Jantina</b>	Lelaki
<b>Pekerjaan</b>	Pendawai
<b>Jenis Pemasangan Elektrik</b>	Satu fasa, 230V, 50Hz
<b>Ringkasan Kes</b>	Mangsa terkena renjatan elektrik ketika cuba memotong paip pembuluh ( <i>conduit</i> ) untuk memasukkan penarik kabel ( <i>cable puller</i> ) ke dalam pembuluh dari meter ke papan suis. Mangsa disyaki terlebih memotong dan telah melukai wayar didalamnya. Mangsa kemudiannya telah memegang wayar yang terluka di mana ianya masih hidup kerana pepotong ( <i>cut out</i> ) TNB tidak dicabutkan. Semasa kejadian, suis utama pada papan agihan juga tidak dimatikan tetapi Peranti Arus Baki (PAB) telah dimatikan.
<b>Punca Kemalangan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerja pendawaian elektrik dilakukan dalam keadaan hidup.</li> <li>• Sentuhan langsung mangsa dengan wayar hidup yang luka.</li> <li>• Kerja pendawaian elektrik dilakukan oleh orang bukan kompeten yang mempunyai perakuan kekompetenan yang dikeluarkan oleh ST.</li> <li>• Tidak memakai Peralatan Perlindungan Diri (PPD) seperti sarung tangan.</li> </ul>
<b>Cadangan Untuk Mengelakkan Kemalangan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemilik rumah perlu melantik orang kompeten dan kontraktor elektrik yang sah dan berdaftar dengan ST untuk melakukan kerja-kerja pendawaian di rumah.</li> <li>• ST mengadakan promosi keselamatan elektrik dan kesedaran menyeluruh kepada pengguna mengenai kebahayaannya elektrik serta kepentingan kerja elektrik dilakukan oleh orang kompeten yang berdaftar dengan ST.</li> </ul>



Gambar 7: Mangsa yang Ditemui di Lokasi, di Mana Beliau Sedang Melakukan Kerja di Atas Langit-Langit Rumah (Gambar Ehsan daripada Pegawai Penyiasat Polis Bagan Serai)



Gambar 8: Kedudukan dan Keadaan Mangsa Ketika Ditemui




Gambar 9: Keadaan Tangan Kanan Mangsa yang Melecur Akibat daripada Renjatan Elektrik (Gambar Ehsan daripada Pegawai Penyiasat Polis Bagan Serai)

### 3. Kemalangan Elektrik Maut di Premis Kediaman

<b>Tarikh dan Masa</b>	10 September 2018, 4.00 petang
<b>Lokasi</b>	Premis Kediaman
<b>Bilangan Mangsa</b>	Satu mangsa maut
<b>Jantina</b>	Kanak-kanak lelaki
<b>Pekerjaan</b>	Tiada
<b>Jenis Pemasangan Elektrik</b>	Satu fasa, 230V, 50Hz
<b>Ringkasan Kes</b>	Seorang kanak-kanak maut terkena renjatan elektrik selepas tersentuh rod bumi yang terletak di sebalik tangga. Terdapat kebocoran arus pada lampu kalimantang yang tidak digunakan lagi disebabkan oleh wayar hidup dan wayar neutral yang menyentuh <i>choke</i> lampu. Arus bocor tersebut telah melalui wayar bumi di mana wayar bumi tersebut telah luka dan bersentuhan dengan rod bumi. Peranti Arus Baki (PAB) yang dipasang tidak berfungsi dan menyebabkan bekalan tidak terputus walaupun terdapat kebocoran arus.
<b>Punca Kemalangan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Keadaan lampu yang rosak dan sambungan wayar tidak kemas telah menyebabkan berlakunya kebocoran arus elektrik.</li> <li>Pendawaian lama dan tidak pernah ditukar sejak 1988 menjadi punca kepada kebocoran arus.</li> <li>Luka di wayar bumi yang bersentuhan dengan rod bumi menyebabkan mangsa terkena renjatan elektrik.</li> <li>PAB gagal berfungsi kerana rosak dan tidak pernah diuji.</li> <li>Kurang kesedaran pengguna tentang kepentingan untuk menguji PAB secara berkala di rumah bagi memastikan ianya berfungsi dengan sempurna.</li> </ul>
<b>Cadangan Untuk Mengelakkan Kemalangan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemilik rumah diminta untuk membuat pendawaian semula bagi menggantikan pendawaian lama untuk menjamin keselamatan.</li> <li>Melantik kontraktor elektrik yang berdaftar dengan ST bagi membuat kerja pendawaian semula.</li> <li>ST mengadakan promosi keselamatan elektrik dan kesedaran menyeluruh kepada pengguna untuk membuat pengujian berkala pada butang 'uji' pada PAB di rumah.</li> </ul>



Gambar 10: Lokasi Kejadian iaitu di Rumah Datuk kepada Saudara Mangsa



Gambar 12: Papan Agihan yang Menempatkan PAB yang Rosak



Gambar 11: Lokasi Paip Besi (Pembumian) yang Disentuh oleh Mangsa



#### 4. Kemalangan Elektrik Tidak Maut di Pemasangan Bawah Tanah

<b>Tarikh &amp; Masa</b>	19 Disember 2018, 11.00 pagi
<b>Lokasi</b>	Kabel bawah tanah
<b>Bilangan Mangsa</b>	Tiga mangsa cedera
<b>Jantina</b>	Lelaki
<b>Pekerjaan</b>	Pekerja kontraktor utiliti
<b>Jenis Pemasangan Elektrik</b>	11 kV
<b>Ringkasan Kes</b>	Ketiga-tiga mangsa terkena percikan arka selepas letupan berlaku secara tiba-tiba yang menyebabkan semua mangsa terbaring di atas jalan raya. Mangsa sedang melakukan kerja-kerja pengorekan tanah di bahagian bahu jalan yang bertujuan untuk pembinaan peparit bagi merentang kabel baharu jenis XLPE bersaiz 240mmp 11 kV milik TNB. Letupan berlaku disebabkan oleh bilah jengkaut yang terkena kabel bawah tanah semasa kerja pengorekan. Ketiga-tiga mangsa mengalami kelecuman pada bahagian anggota badan akibat kejadian tersebut.
<b>Punca Kemalangan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kabel hidup 11 kV terkena bilah jengkaut semasa kerja-kerja pengorekan tanah dijalankan.</li> <li>• Kedalaman kabel yang ditanam daripada permukaan tanah adalah 0.2 meter dan tidak mengikut prosedur TNB iaitu 1-1.5 meter.</li> <li>• Tiada arahan bertulis Permit Menjalankan Kerja (PTW) yang dikeluarkan bagi pelaksanaan kerja pada hari tersebut.</li> <li>• Prosedur rentangan dan korekan kabel bawah tanah tidak dipatuhi.</li> <li>• Tiada penyeliaan daripada orang kompeten semasa kerja-kerja dijalankan.</li> </ul>
<b>Cadangan Untuk Mengelakkan Kemalangan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• ST akan mengadakan dialog dan perbincangan dari masa ke semasa dengan pihak utiliti mengenai kes-kes kemalangan yang melibatkan kontraktor mereka dan tindakan-tindakan yang perlu diambil bagi mengelak kemalangan daripada berulang.</li> <li>• Pihak utiliti perlu melaksanakan lebih banyak latihan/ kursus/ taklimat kesedaran berkaitan aspek-aspek keselamatan di tempat kerja kepada kontraktor yang dilantik.</li> <li>• Membuat <i>cable plotting</i> untuk mendapatkan profil kedalaman kabel sedia ada bagi memastikan semua spesifikasi rentangan kabel dipatuhi.</li> </ul>



Gambar 13: Kedalaman Kabel Hidup yang Rosak Akibat Terkena Jentera Korekan

Gambar 14: Terdapat Kesan Hitam/Percikan Arka pada Bilah Jengkaut



**HARIAN METRO**

**Tiga melecuk  
kena renjatan**

■ Kejadian berlaku ketika jengkaut korek lubang terkena kabel hidup

Shahid Shahrin Ahmad Pauzi  
shahid@metr.com.my

**Taipung**

**T**iga pekerja subkontraktor Tenaga Nasional Berhad (TNB) melecuk akibat terkena renjatan elektrik ketika menjalankan kerja penambakan kabel di hadapan sebuah kilang di Jalan Perusahaan Tiga Kamunting di sini, pagi semalam.

Mangsa, Muhamad Syawal Che Rose, 30, melecuk 50 peratus pada tubuhnya manakala dua lagi rakan sekerja, G Muniandy, 39, dan Ahmad Nor Fitri Saidin, 21,

masing-masing melecuk 20 dan 10 peratus.

Akibat letupan itu, tiga mangsa di lokasi terkena renjatan elektrik dan cedera.

Ketua Operasi Balai Bomba dan Penyelamat Kamunting, Pensiangan Pengusaha Bomba Muhamad Yassin Adnan, berkata, pihaknya menerima laporan jam 11 pagi dan berpegas ke lokasi kejadian bersama enam anggota termasuk seorang pegawai.

Katanya, ketiga-tiga mangsa yang cedera dan melecuk diberi rawatan awal sebelum dihantar ke Hospital Taipung.

Ketua Polis Daerah Taipung, Asisten Komisioner Mohamad Taib berkata, kejadian dipercayai berlaku jam 10 pagi ketika 12 pekerja dari sebuah syarikat yang ditantik TNB menjalankan kerja mengorek lubang menggunakan dua jengkaut di hadapan kilang Maripro Kamunting.

Menurutnya, ketika menjalakan traktor tidak mengetahui kedudukan kabel hidup itu kerana tiada sebarang tandas amaran di sekitar kawasan itu.

"Akibat kejadian itu, ketiga-tiganya melecuk dan telah dibawa ke Hospital Taipung untuk rawatan lanjut," katanya.

20-12-2018

**setempat** **3**

**FAKTA**  
Tiga mangsa terkena renjatan elektrik dan cedera

**MANGSA** yang melecuk diberikan rawatan awal di lokasi kejadian.

jalakan traktor tidak mengetahui kedudukan kabel hidup itu kerana tiada sebarang tandas amaran di sekitar kawasan itu.

kena kabel TNB menyebabkan tiga mangsa berada berhampiran terkena percikan api.

"Difahamkan, pihak kon-



# **INISIATIF MENINGKATKAN TAHAP KESELAMATAN ELEKTRIK**

## 1. Mesyuarat Jawatankuasa Kes Kemalangan Elektrik Bersama Pihak Utiliti (TNB dan SESB)

Daripada hasil analisa kes-kes kemalangan elektrik yang dijalankan, didapati sebanyak 55% kes kemalangan elektrik adalah melibatkan pemasangan pihak utiliti. Bagi mengurangkan kadar kemalangan dan meningkatkan keselamatan dalam industri pembekalan elektrik serta pengguna elektrik, Suruhanjaya Tenaga (ST) telah mengambil inisiatif menubuhkan Jawatankuasa Kes Kemalangan Elektrik bersama Pihak Utiliti (TNB dan SESB) sejak 2018 bersama pihak utiliti untuk memantau dan membincangkan isu-isu kritikal kemalangan yang melibatkan pemasangan TNB dan SESB.

Menerusi mesyuarat berkala yang diadakan setiap dua bulan, ST ingin memastikan keselamatan pemasangan elektrik sentiasa dalam keadaan selamat dan tidak membahayakan pekerja utiliti, kontraktor dan orang awam. Sepanjang 2018, sebanyak enam mesyuarat telah diadakan seperti berikut:

**Jadual 34: Mesyuarat Jawatankuasa Kes Kemalangan Elektrik bersama Pihak Utiliti**

Bil. Mesyuarat	Tarikh
Bil. 01/2018	23 Januari 2018
Bil. 02/2018	16 Mac 2018
Bil. 03/2018	23 Mei 2018
Bil. 04/2018	24 Julai 2018
Bil. 05/2018	24 Oktober 2018
Bil. 06/2018	14 Disember 2018



**Gambar 15: Mesyuarat Bil. 03/2018 Antara Jawatankuasa Kes Kemalangan Elektrik dengan Pihak Utiliti yang Dilangsungkan di Ibu Pejabat ST, Putrajaya.**



**Gambar 16:** Mesyuarat Jawatankuasa Kes Kemalangan Elektrik Bersama Pihak Utiliti di ST yang Berlangsung di Kota Kinabalu, Sabah



**Gambar 17:** Demonstrasi Pemasangan Simpai di Pusat Latihan Teknikal Sabah Electricity Sdn. Bhd., di Kota Belud, Sabah.


## 2. Kad Pengenalan Orang Kompeten/ *Competent Person Identification Card (CPIC)*

*Competent Person Identification Card (CPIC)* digunakan sebagai pengenalan diri orang kompeten yang berdaftar dengan ST. Antara objektif utama sistem CPIC adalah untuk memudahkan orang awam mengenalpasti orang kompeten sebelum membuat lantikan bagi menjalankan kerja elektrik. Selain itu, CPIC ini juga dapat meningkatkan bilangan pendaftaran orang kompeten elektrik dengan ST. Sistem ini bahkan akan membantu dalam aktiviti penguatkuasaan untuk mengenalpasti dan memastikan orang yang menjalankan kerja elektrik adalah orang kompeten yang berdaftar dengan ST. Kad ini turut dilengkapi dengan ciri *Quick Response (QR) Code* sebagai langkah keselamatan dan *QR Code* ini boleh diimbas menggunakan aplikasi pengimbas untuk pengesahan butir-butir pemegang kad. Orang kompeten perlu mencetakkan CPIC sendiri melalui sistem ECOS.

**Gambar 18: *Competent Person Identification Card (CPIC)***



Muka Depan CPIC




Muka Belakang CPIC

### 3. Audit Sistem Pengurusan Keselamatan Elektrik bagi Pemasangan-Pemasangan Elektrik di Malaysia


ST telah menjalankan audit pengurusan keselamatan elektrik sejak 2016. Pada 2018, sebanyak 199 premis telah diaudit di seluruh Semenanjung Malaysia dan Sabah. Premis yang diaudit merangkumi kilang, hotel, hospital, pusat membeli-belah, institusi pengajian tinggi / sekolah dan lain-lain. Secara keseluruhannya, sebanyak 14.7% mencatatkan prestasi efektif, 63.2% perlu memperbaiki program yang sedia ada manakala sebanyak 22.1% tidak mempunyai program keselamatan elektrik dan perlu memulakan program tersebut dengan kadar segera.

Berikut merupakan keputusan audit berdasarkan kepada Senarai Semak Audit Sistem Pengurusan Keselamatan Elektrik yang telah dikeluarkan ST, bagi 2018:


#### 1. POLICY, PLAN AND PROGRAMME




#### 2. ORGANISING




#### 3. PLANNING AND IMPLEMENTATION




#### 4. RISK CONTROL MEASURES




#### 5. PERFORMANCE EVALUATION




#### 6. ACTION FOR IMPROVEMENT



#### 7. STATUS OF COMPLIANCE



#### OVERALL EVALUATION





#### 4. Kajian Peralihan Kod Warna Kabel Mengikut IEC 60445 di Pasaran Malaysia

ST telah mengambil satu inisiatif untuk terus memperbaiki mutu perkhidmatan untuk kebaikan pihak industri bagi mencapai misi sebagai badan kawal selia sektor tenaga yang berkesan dan berwibawa. Dalam usaha untuk mencapai inisiatif tersebut, ST telah melantik Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) untuk menjalankan kajian ini menerusi pelaksanaan temubual, perbincangan kumpulan fokus (*focus group discussion*), dialog bersama industri, pemerhatian, kaji selidik serta penandaan aras (*benchmarking*) dengan negara luar yang telah mengimplimentasikan kod warna kabel baharu di negara mereka.

Kajian ini dilaksanakan untuk mencapai objektif seperti berikut: -

1. Mengenalpasti isu, cabaran dan pihak berkepentingan yang terlibat dalam pelaksanaan peralihan kepada sistem kod warna kabel baharu di pasaran malaysia;
2. Mengkaji negara-negara lain yang telah berjaya melaksanakan sistem baharu ini;
3. Mengenalpasti dan menganalisa kesan impak yang menjurus kepada kemalangan elektrik semasa pelaksanaan peralihan kepada sistem kod warna kabel baharu; dan
4. Mengesyorkan pelan tindakan dan pelaksanaan peralihan yang lancar daripada sistem lama kepada sistem baharu mengikut standard IEC 60445.

Hasil kajian ini adalah penting bagi membolehkan ST mengetahui sejauh mana keberkesanan pelaksanaan peralihan sistem lama kepada baharu yang digunakan di negara lain serta membantu ST dalam usaha untuk meningkatkan tahap keselamatan elektrik di Malaysia.



Gambar 19: Kumpulan Fokus untuk Colour Coding yang Berlangsung di Ibu Pejabat ST Putrajaya pada 18 April 2018



Gambar 20: Dialog Bersama Industri di Putrajaya Marriott Hotel pada 23 April 2018



Gambar 21: Lawatan Benchmarking ke Electrical and Mechanical Services Department (EMSD), Hong Kong pada 10 Mei 2018



Gambar 22: Lawatan Benchmarking ke Energy Market Authority (EMA), Singapore pada 31 Mei 2018

## 5. Bengkel Penandaan Buku Jawapan Peperiksaan Teori Penjaga Jentera 2018

Bengkel Penandaan Kertas Jawapan bagi 2018 telah diadakan sebanyak dua kali dan mengambil kira dua sesi peperiksaan yang dijalankan. Bagi sesi 1/2018, bengkel ini telah diadakan pada 7-10 Mei 2018 di Hotel Palm Garden IOI Resort, Putrajaya, manakala sesi 2/2018 telah diadakan pada 3-6 Disember 2018 di Hotel Swiss Garden, Melaka.

Tujuan Bengkel Penandaan ini adalah supaya:

1. Buku-buku jawapan ditanda secara berpusat dalam masa yang telah ditetapkan bagi mempercepatkan proses pengeluaran keputusan (dua minggu selepas bengkel);
2. Memudahkan perancangan untuk peperiksaan amali dan lisan; dan
3. Menjamin ketelusan keputusan peperiksaan.

**Gambar 23:**  
Panel bagi Bengkel Menanda Buku  
Jawapan Peperiksaan Teori Penjaga  
Jentera Sesi 1/2018



**Gambar 24:**  
Panel bagi Bengkel Menanda Buku  
Jawapan Peperiksaan Teori Penjaga  
Jentera Sesi 2/2018



## 6. Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan Kekompetenan ST 2018

Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan Kekompetenan ST 2018 diadakan untuk membincangkan isu-isu berbangkit yang berkaitan dengan pelaksanaan, prosedur, dasar atau polisi peperiksaan kekompetenan. Sepanjang 2018, mesyuarat ini telah diadakan sebanyak enam kali dan dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif ST dan Ketua Pegawai Operasi ST.

## 7. Bengkel Penggubalan Soalan Peperiksaan Kekompetenan

Bengkel Penggubalan Soalan Peperiksaan Kekompetenan telah diadakan untuk menyemak dan mengemaskini soalan-soalan Peperiksaan Teori Kekompetenan bagi kategori Penjaga Jentera pada setiap tahun. Melalui bengkel ini, mutu soalan yang dikeluarkan ST dapat dipertingkatkan sesuai dengan teknologi terkini. Bengkel ini telah diadakan pada 2-4 April 2018 di Hotel De Palma, Ampang.



Gambar 25: Panel bagi Bengkel Penggubalan Soalan Peperiksaan Kekompetenan Sesi 2018

## 8. Garis Panduan *Approval of Electrical Equipment* Edisi 2018



Gambar 26:  
Garis Panduan *Approval Of Electrical Equipment*  
Edisi 2018

ST telah menerbitkan *Guideline for Approval of Electrical Equipment - Information Booklet* Edisi 2018 yang terkini bagi menggantikan *Information Booklet, Approval of Electrical Equipment* Edisi 2016 yang terdahulu.

Garis panduan ini telah didaftarkan di bawah Seksyen 50c, Akta Bekalan Elektrik (Pindaan) 2015 dengan nombor pendaftaran GP/ST/No.14/2017 bertarikh 21 Mei 2018. *Information Booklet* Edisi 2018 ini telah siap dicetak pada Disember 2018. Garis panduan ini hendaklah dipatuhi dan kegagalan untuk mematuhi apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM200,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya.

Garis panduan ini telah dikemaskini dengan mengambil kira perkara-perkara seperti keperluan standard keselamatan terkini kelengkapan elektrik, syarat-syarat Perakuan Pendaftaran (*Certificate of Registration - COR*), Pengilang/Pengimport dan *Minimum Energy Performance Standard* (MEPS). Kehendak dan keperluan MEPS yang baharu adalah seperti berikut:-

1. *Guide on MEPS requirements for Air-Conditioner;*
2. *Guide on MEPS requirements for Refrigerator;* dan
3. *Guide on MEPS requirements for Washing Machine.*

## 9. Pembatalan Perakuan Kelulusan (CoA) yang Gagal Ujian Konsainmen SIRIM

Jadual 35: Pembatalan Perakuan Kelulusan (CoA) Mengikut Batch

BATCH	BIL. COA DIBATALKAN	BULAN	JUMLAH PENGIMPORT
1	34	Sep 2016	16
2	158	Dis 2016	44
3	132	Feb 2017	22
4	126	Mac 2017	26
5	138	Apr 2017	27
6	56	Mei 2017	16
7	48	Julai 2017	19
8	51	Sep 2017	17
9	34	Nov 2017	19
10	39	Dis 2017	11
11	10	Jan 2018	3
12	15	Feb 2018	6
13	10	Mac 2018	6
14	27	Apr 2018	16
15	44	Jun 2018	18
16	9	Jul 2018	5
<b>JUMLAH</b>	<b>931</b>		<b>271</b>

**Rajah 37: Jumlah Perakuan Kelulusan (CoA) yang Dibatalkan, 2016-2018**

Rajah 37 menunjukkan CoA yang dibatalkan pada 2018 telah menurun sebanyak 81.57% berbanding 2017.

**Rajah 38: Jumlah Pengimport Terlibat, 2016-2018**

Rajah 38 menunjukkan jumlah pengimport terlibat juga menunjukkan penurunan sebanyak 65.61% berbanding 2017.

Berikut adalah di antara sebab-sebab kegagalan Ujian Konsainmen SIRIM:

Isi kandungan Laporan Ujian (TR) diubah mengikut kepentingan pemohon berkaitan dengan produk yang dipohon.

Kes sampel (*sample case*) yang diperiksa dan diuji oleh konsainmen SIRIM berlainan daripada produk dalam TR.

Produk daripada *batch* berlainan, mempunyai rupa bentuk dan rekabentuk yang berlainan meskipun mempunyai jenama dan model yang sama seperti yang dipohon sebelumnya.

Penandaan pada plet nama atau label produk tidak memenuhi keperluan syarat penandaan dan amaran di mana terdapat perbezaan nama model dan jenama antara laporan ujian dan juga plat nama atau label produk.

*Instruction Manual* tidak memenuhi syarat penandaan dan amaran kerana *instruction manual* dibuat baharu atau dibuat sendiri untuk mengubah nama jenama dan model.

Kapasiti dan kadaran pada plet nama berlainan daripada yang telah diluluskan pada plet nama asal dalam TR.

Komponen kritikal berlainan daripada yang tersenarai dalam TR.

Selepas notis pembatalan CoA diserahkan kepada syarikat pengimport, di antara maklum balas yang diterima ST adalah pengimport telah mengambil tindakan menghantar pulang ke negara asal, dan ada yang melupuskan kelengkapan yang gagal konsainmen tersebut. Seperti tahun sebelum ini, aktiviti-aktiviti melupus/memusnah kelengkapan tersebut telah disaksikan oleh ST bagi mengesahkan kelengkapan tersebut tidak dijual dalam pasaran.



**Gambar 27:** Pelupusan 10 Unit *Built-in Oven* yang Bernilai RM89,000 di Puchong, Selangor pada 24 Januari 2018



**Gambar 28:** Pelupusan 174 Unit Pelbagai Jenis Kelengkapan Elektrik yang Bernilai RM25,000 di Sungai Buloh, Selangor pada 20 Mac 2018



## 10. Penolakan Penggunaan Dokumen *Identity Declaration* (ID) Bagi Permohonan Perakuan Kelulusan

ST melaksanakan penolakan penggunaan dokumen ID bagi syarikat-syarikat yang telah gagal ujian konsainmen sebanyak dua kali atau lebih bermula pada Ogos 2017. Susulan itu, ST menerima beberapa rayuan daripada pihak syarikat terlibat untuk menggunakan semula dokumen ID tersebut. Rayuan tersebut boleh diluluskan oleh ST dengan syarat kelengkapan tersebut telah dimusnahkan atau dihantar pulang ke negara asal. Bagi kelengkapan elektrik yang telah dijual di pasaran, pihak syarikat dikehendaki mengiklankan penarikan balik produk di akhbar utama tempatan.

Bagi 2018, sebanyak 32 syarikat telah membuat rayuan untuk menggunakan semula dokumen ID tersebut dan rayuan-rayuan tersebut telah diluluskan oleh ST.

## 11. Penambahbaikan Ciri Keselamatan dengan Menggunakan *Quick Response* (QR) Code Pada Perakuan Kelulusan (CoA) Suruhanjaya Tenaga


ST telah meluluskan cadangan penambahbaikan ciri keselamatan *QR Code* yang akan dicetak di atas Perakuan Kelulusan (CoA) secara *auto-generated* daripada sistem atas talian e-Permit. Inisiatif ini adalah hasil kerjasama di antara ST dengan pihak Dagang Net Technologies Sdn Bhd (DNT), bagi membanteras kes pemalsuan/pindaan CoA yang melibatkan aktiviti-aktiviti mengilang dan mengimport kelengkapan elektrik yang dikawal oleh ST.

Inisiatif ini telah dilaksanakan secara *live* bermula pada 12 Disember 2018. Dengan perlaksanaan ini, pegawai-pegawai penguatkuasa Kastam boleh mengesahkan bahawa CoA yang dikemukakan oleh pengimport adalah CoA yang tulen. *QR Code* boleh diimbas dengan menggunakan aplikasi *QR Code Reader* yang boleh dimuat turun melalui telefon pintar.

**Salinan Penerima**  
ST(H)15-Pin. 2/64  
**SJT16130709009202**

**Borang W**  
**(Peraturan 97)**  
SURUHANJAYA TENAGA  
AKTA BEKALAN ELEKTRIK 1990

QR Code yang dicetak di atas COA



No Resit : 200716IKE0591  
Tkh Resit: 16-Jul-2020  
AppID : SJT161202001285  
Ruj Kami : 5038501/KC9890/1

**PERAKUAN KELULUSAN**

Mengikut peraturan 97 Peraturan-peraturan Elektrik 1994, Perakuan ini dikeluarkan kepada  
ABC INDUSTRIES SDN. BHD.  
(nama pengilang)  
yang beralamat di  
JALAN PERINDUSTRIAN 3, 41050  
KLANG SELANGOR  
(alamat)  
dan kelulusan diberikan untuk

MENGI LANG	MEMPAMER <sup>1</sup>	MENJU AL	MENGI KLAN
------------	-----------------------	----------	------------

kelengkapan yang perihalnya dinyatakan di bawah ini, terus daripada,  
ABC INDUSTRIES SDN. BHD.  
JALAN PERINDUSTRIAN 3, 41050 KLANG  
SELANGOR DARUL EHSAN  
MALAYSIA  
(nama dan negara pengilang)  
dan kelengkapan itu mematuhi :

(a) Standard : Safety IEC 60335-2-80:2015 (ED.3) MS 1597-2-80:2010 IEC  
60335-1:2010 (ED.5)+A1:2010  
EE MS 1220:2010 MS 2574:2014

(b) Laporan Ujian Jenis No : Safety SIRIM QAS International Sdn. Bhd.  
2018EEA0178+2018EA1361+M1  
EE SIRIM QAS International Sdn. Bhd.  
2018EEA0178+2018EA1362+M1

(c) Tarikh Ujian : Safety 01-Mac-2018  
EE 01-Mac-2018

bagi tempoh satu tahun dari tarikh dikeluarkan/ diperbaharui \* seperti yang ditunjukkan di bawah  
tertakluk kepada syarat-syarat berikut:  
- SEPERTI LAMPIRAN A -

Tarikh dikeluarkan/ diperbaharui \* : 09-Ogos-2020      Tarikh Habis Tempoh : 08-Ogos-2021  
Kelulusan No. : 012626/19      Fee RM : 110.00

Perihalan Kelengkapan

Kelengkapan : ELECTRIC CEILING FAN  
Nama Dagangan : XYZ  
Jenis / Model : PJ-C80CF

Spesifikasi Kelengkapan

Voltan : 220-240 Volt.	Kuasa : 80 Watt.
Frekuensi : 50 HZ.	Arus : - Amp.
Nilai KT : 3.647 COP m <sup>3</sup> /min/W	★ ★ ★ ★ ★

Suruhanjaya Tenaga

---

1. Kelengkapan yang diluluskan adalah dicadangkan hanya untuk dipamerkan dan bukan dijual, dipasang atau digunakan.  
\* Potong yang mana tak berkenaan.

Sek hazim

Gambar 29: Ciri Keselamatan pada Perakuan Kelulusan (COA)

**AKTIVITI  
MENINGKATKAN  
KESEDARAN,  
USAHASAMA DAN  
AMALAN BAIK**



## 1. Seminar Mempertingkatkan Keselamatan Elektrik Secara Berkesan 2018

Pada 17 Julai 2018, Seminar Mempertingkatkan Keselamatan Elektrik Secara Berkesan 2018 telah diadakan di Promenade Hotel Tawau, di Tawau, Sabah. Seminar tersebut telah dihadiri oleh 100 orang peserta yang terdiri daripada pengimport / pengilang / penjual / pempamer / pengiklan / pengedar kelengkapan elektrik, institusi, kontraktor elektrik, pemunya-pemunya pemasangan elektrik dan agensi-agensi kerajaan.

Seminar ini diadakan bagi meningkatkan lagi kesedaran dan pengetahuan berkenaan keperluan Perakuan Kelulusan (CoA) bagi kelengkapan elektrik, garis panduan pelan dan program pengurusan keselamatan elektrik serta keperluan orang kompeten di sektor komersil dan industri.

Seminar ini mengandungi tujuh sesi pembentangan yang merangkumi perkara-perkara seperti berikut;

- i. Keperluan untuk mendapatkan Perakuan Kelulusan (CoA) dari ST bagi kelengkapan elektrik yang dikawal;
- ii. Keperluan memastikan label pada kelengkapan elektrik sebelum dijual di pasaran;
- iii. Kehendak dan keperluan *Minimum Energy Performance Standard* (MEPS) bagi kelengkapan-kelengkapan elektrik terkini;
- iv. Garis panduan pelan dan program pengurusan keselamatan elektrik di pemasangan elektrik;
- v. Keperluan orang kompeten di sektor komersil dan industri;
- vi. Aktiviti penguatkuasaan yang telah dijalankan;
- vii. Proses Ujian Konsaimen bagi kelengkapan elektrik yang diimport (SIRIM QAS International Sdn Bhd);
- viii. Panduan Prosedur Perkastaman bagi kelengkapan elektrik (Jabatan Kastam Diraja Malaysia); dan
- ix. Kebahayaan aktiviti mencuri elektrik (Sabah Electricity Sdn Bhd)



Gambar 30: Peserta yang Menghadiri Seminar Mempertingkatkan Keselamatan Elektrik Secara Berkesan 2018



Gambar 31: Sesi Soal Jawab Seminar Mempertingkatkan Keselamatan Elektrik Secara Berkesan 2018

## 2. Sesi *Engagement* bersama Industri berkenaan Sistem Pengurusan Keselamatan Elektrik

Salah satu inisiatif Suruhanjaya Tenaga (ST) bagi menjamin keselamatan pengguna di pemasangan elektrik adalah mengadakan sesi *engagement* bersama industri bagi membincangkan isu-isu dalam penyediaan Pelan/Program Pengurusan Keselamatan Elektrik. Peserta yang dijemput bagi menghadiri sesi ini terdiri daripada pemunya atau pengendali pemasangan elektrik yang telah diaudit pada 2017 dan berada di tahap lemah dalam penyediaan pelan/program. Sebanyak 155 pemasangan diaudit sepanjang tahun dan menerusi analisa yang dijalankan, didapati 30 daripadanya berada pada tahap terendah iaitu *need to start*.

Sehubungan dengan itu, empat lokasi yang telah dikenalpasti untuk menjalankan sesi *engagement* ini adalah Wilayah Persekutuan Putrajaya, Kota Bharu, Sandakan dan Kota Kinabalu. Sesi *engagement* ini boleh dijadikan sebagai landasan perbincangan secara langsung bersama pemilik/pengurus bangunan mengenai penyediaan pelan/program pengurusan keselamatan elektrik bagi memastikan bahawa tahap keselamatan di pepasangannya adalah memuaskan.



Gambar 32: Sesi *Engagement* di Putrajaya pada 7 Mac 2018



Gambar 33: Sesi *Engagement* di Sandakan, Sabah pada 18 Julai 2018



Gambar 34: Sesi *Engagement* di Kota Bharu, Kelantan pada 31 Julai 2018



Gambar 35: Sesi *Engagement* di Kota Kinabalu, Sabah pada 28 September 2018

### 3. Taklimat Keselamatan Elektrik bagi Persediaan Anggota Bomba Menjalankan Operasi Menyelamat di Musim Banjir

ST dengan kerjasama Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah mengadakan sesi taklimat kepada anggota-anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) berkaitan risiko kemalangan elektrik semasa menghadiri operasi kebombaannya di musim banjir. Sesi taklimat yang julung kali diadakan ini merupakan usahasama antara ST, JBPM dan TNB yang bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai keselamatan elektrik serta sebagai persiapan kepada pegawai dan anggota Bomba yang bertugas semasa operasi kebombaannya sewaktu musim banjir Monsun Timur Laut. Sesi taklimat ini diadakan di tiga buah negeri iaitu Pahang pada 13 November 2018, Kelantan pada 21 November 2018 dan seterusnya di Terengganu pada 22 November 2018.



Gambar 36: Taklimat di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Pahang pada 13 November 2018

Gambar 37: Taklimat di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Kelantan pada 21 November 2018



Gambar 38: Taklimat di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Terengganu pada 22 November 2018

#### 4. *The 25th & 26th Meeting of the Joint Sectoral Committee for Electrical & Electronic Equipment (JSC EEE)*

*The 25th Meeting of The Joint Sectoral Committee for Electrical & Electronic Equipment (JSC EEE)* telah diadakan pada 2-5 April 2018 di Vientiane, Lao PDR. Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh wakil dari 10 negara ASEAN dan dirasmikan oleh Nisith Khammounheuang, *Deputy Director General, Department of Standardisation and Metrology, Ministry of Science and Technology, Lao PDR.*

Mesyuarat ke-26 JSC EEE telah dianjurkan oleh Malaysia pada 13-16 November 2018 di Sandakan, Sabah. Mesyuarat telah dirasmikan oleh Feris Frederick, Penolong Pengarah Kanan yang merupakan wakil kepada Ketua Pengarah Standards Malaysia, Datuk Fadilah Baharin.

Mesyuarat yang diadakan dua kali setahun ini membincangkan isu-isu teknikal ke arah perjanjian merealisasikan *ASEAN Harmonised EEE Regulatory Regime (AHEEERR)* yang telah ditandatangani oleh menteri-menteri negara ASEAN pada 9 Disember 2005.

Mesyuarat ke-25 tersebut merekodkan sebanyak 22 makmal pengujian dan 10 badan pensijilan yang telah disenaraikan di bawah *ASEAN Sectoral Mutual Recognition Arrangement for Electrical & Electronic Equipment (ASEAN EE MRA)*. Manakala, mesyuarat ke-26 merekodkan sebanyak 24 makmal pengujian dan 11 badan pensijilan.



Gambar 39: Peserta yang Menghadiri *The 25th Meeting of The Joint Sectoral Committee for Electrical & Electronic Equipment (JSC EEE)*





**Gambar 40:** Peserta yang Menghadiri *The 26th Meeting of The Joint Sectoral Committee for Electrical & Electronic Equipment (JSC EEE)*



**Gambar 41:** *The 26th Meeting of The Joint Sectoral Committee for Electrical & Electronic Equipment (JSC EEE)*



**Gambar 42:** Majlis Perasmian *The 26th Meeting of The Joint Sectoral Committee for Electrical & Electronic Equipment (JSC EEE)*

## 5. Bengkel *Capacity Building For Conformity Assessment Ability For Information Technology Equipment (ITE) in ASEAN Member States*

ST telah dijemput untuk menghadiri bengkel berkaitan *Capacity Building For Conformity Assessment Ability For Information Techonlogy Equipment (ITE) in ASEAN Member States* oleh *Japan Business Machine And Information System Industries Association (JBMIA)*. JBMIA adalah perlaksana projek ini dan ditaja sepenuhnya oleh *Japan ASEAN Integration Fund (JAIF)*. Sebanyak lima bengkel telah diadakan untuk 2018 dan untuk setiap bengkel, peserta dari Malaysia terdiri daripada seorang daripada ST dan seorang daripada SIRIM QAS International Sdn Bhd.

**Jadual 36: Bengkel yang Telah Dianjurkan oleh JBMIA pada 2018**

NO	BENKEL	TARIKH	TEMPAT
1	<i>Electromagnetic Compatibility (EMC) Field Study</i>	3-4 Julai 2018	Hanoi, Vietnam
2	<i>Basic Workshop of EMC</i>	28-31 Ogos 2018	Jakarta, Indonesia
3	<i>Advance Technical Conference of Safety</i>	4-7 September 2018	Yokohama, Jepun
4	<i>Basic Workshop of Product Safety</i>	26-30 November 2018	Ho Chi Minh City, Vietnam
5	<i>Advance Technical Conference of EMC</i>	4-7 Disember 2018	Hiratsuka, Jepun

Bengkel ini diadakan untuk pendedahan dan meningkatkan lagi pemahaman bagi isu mengenai keselamatan kelengkapan elektrik dan *Electromagnet Compatibility (EMC)* yang dihasilkan oleh kelengkapan elektrik tersebut yang mencakupi pensijilan, pengujian, pengurusan makmal dan standard yang terlibat. Semasa bengkel diadakan, para peserta telah dibawa melawat ke makmal-makmal pengujian bagi melihat fasiliti pengujian dan demonstrasi pengujian di makmal-makmal tersebut.



**Gambar 43: Peserta Bengkel *EMC Field Study* di Hanoi, Vietnam**



Gambar 44: Peserta Bengkel *Advance Technical Conference of Safety* di Yokohama, Jepun



Gambar 45: Peserta Bengkel *Basic Workshop of Product Safety* di Ho Chi Minh City, Vietnam




Gambar 46: Peserta Bengkel *Advance Technical Conference of EMC* di Hiratsuka, Jepun

## 6. Product Safety Training Programme

Satu sesi latihan *Product Safety Training Programme* telah diadakan di *Association for Overseas Technical Scholarship (AOTS)* Tokyo Kenshu Center dan AOTS Kansai Kenshu Centre, Osaka, Jepun pada 3-7 December 2018. Sesi tersebut telah dihadiri oleh 10 orang peserta dari Malaysia di mana tiga peserta adalah daripada ST.. Latihan tersebut merupakan sesi perkongsian yang berkaitan dengan kaedah pengawalan keselamatan kelengkapan elektrik dan gas yang dilaksanakan di Jepun. Peserta juga dibawa melawat *National Institute of Technology and Evaluation (NITE)*, Jepun yang merupakan makmal pengujian untuk menyiasat kemalangan yang melibatkan produk-produk elektrik dan gas.



Gambar 47: Peserta *Product Safety Training Program* di AOTS Tokyo Kenshu Center, Tokyo, Jepun



Gambar 48: Peserta *Product Safety Training Program* di AOTS Kansai Kenshu Centre, Osaka, Jepun

## 7. Bengkel Kedua ASEAN-Japan Energy Efficiency Partnership Programme (AJEEP)

Bengkel kedua ASEAN-JAPAN Energy Efficiency Partnership Programme (AJEEP) telah diadakan pada 18-20 Disember 2018 di Vientiane, Lao PDR. ST telah dijemput untuk berkongsi pengalaman dan cabaran mengenai sistem operasi *standards* dan perlabelan di Malaysia yang berkaitan dengan produk *Minimum Energy Performance Standards* (MEPS) kepada *Ministry of Energy and Mines of Lao PDR* bagi membolehkan pihak Lao PDR mengawalselia produk MEPS. Antara perkara yang dibincangkan adalah seperti berikut:-

1. *Operation flow from application of manufacturers/importers to issuing the Energy Label;*
2. *The procedures and necessary documents for application from other countries laboratory test report on energy efficiency of Air Conditioners;*
3. *Roles of Custom office on S&L operation;* dan
4. *Internal authorising process on new rule (For instance, changing the evaluation index of AC from COP to CSPF) approval.*



Gambar 49: Peserta 2nd Workshop Of ASEAN-Japan Energy Efficiency Partnership Programme (AJEEP)

## 8. *Select Committee Meeting on ASEAN Electrical and Electronics Mutual Recognition Agreement (ASEAN EE MRA)*

Mesyuarat pertama *Select Committee on ASEAN Electrical and Electronics Mutual Recognition Agreement (ASEAN EE MRA)* telah diadakan di Jakarta, Indonesia pada 18-19 Disember 2018 dan telah dihadiri oleh wakil-wakil dari negara ASEAN untuk perbincangan mengenai cadangan memasukkan skop pengujian kecekapan tenaga bagi penghawa dingin ke dalam ASEAN EE MRA.

Ini bertujuan untuk menghentikan *trade barrier* bagi kelengkapan penghawa dingin yang dipasarkan oleh negara ASEAN bagi pasaran rantau ASEAN.



Gambar 50: Ahli Mesyuarat *Select Committee on ASEAN EE MRA*

## 9. Program ST Bersama SIRIM QAS - *Engagement Session on Regulatory Compliance Requirements For Electrical Equipments with the Industry (Hypermarket)*

Sepanjang 2018, ST telah bekerjasama dengan pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. bagi melaksanakan sesi *Engagement* iaitu pemakluman mengenai kelengkapan elektrik yang dikawalselia oleh ST yang memerlukan Perakuan Kelulusan (CoA) kepada pihak penjual (*Hypermarket*). Sesi *engagement* ini telah diadakan di beberapa tempat dan butirannya adalah seperti berikut:-

**Jadual 37: Program Sesi *Engagement* yang telah diadakan**

NO	TARIKH	HYPERMARKET
1	26 Mac 2018	Mydin Stores Sdn. Bhd.
2	10 April 2018	Giant, GCH Retail (Malaysia) Sdn. Bhd
3	22 Mei 2018	Aeon Co. (Malaysia) Bhd.
4	08 Ogos 2018	Tesco (Stores) Malaysia Sdn. Bhd.

Sesi *engagement* ini merangkumi kawalselia keselamatan kelengkapan elektrik, prosedur permohonan CoA, prosedur Ujian Konsainmen, pelabelan terkini SIRIM dan cekap tenaga, aktiviti-aktiviti pelupusan kelengkapan elektrik yang gagal ujian konsainmen dan tindakan perundangan ST atau penalti yang akan dikenakan sekiranya disabit bersalah.

Di akhir sesi *engagement* tersebut, pihak ST dan SIRIM menjalankan lawatan dan pemantauan di premis *hypermarket* tersebut bagi memeriksa dan memastikan kelengkapan elektrik yang dipamerkan dan dijual mempunyai label SIRIM-ST dan label cekap tenaga.



**Gambar 51: Perbincangan Antara ST dengan Mydin semasa Sesi *Engagement* di Pejabat Mydin**



Gambar 52: Sesi Engagement di Mydin



Gambar 53: Sesi Engagement di Giant



Gambar 54: Sesi Engagement di Aeon Co



Gambar 55: Sesi Engagement di Tesco



## 10. Mesyuarat *International Electrotechnical Commission / Technical Committee on Electric Road Vehicle & Electric Industrial Trucks (IEC/TC 69)*

ST telah menghantar wakil ke Toronto, Kanada pada 3-6 April 2018 untuk menghadiri mesyuarat selaras dengan saranan kerajaan iaitu:

1. Menggalakkan penggunaan *Electric Vehicle (EV)* bagi pengangkutan awam dan swasta;
2. Mengukuhkan sistem *eco-mobility* elektrik dan infrastruktur pengisian (*charging-infrastructure*); dan
3. Mempergiatkan penerokaan teknologi EV ke arah pertumbuhan ekonomi negara yang mampan serta menjadikan Malaysia sebagai tumpuan *Electric Mobility Marketplace* di Asia.

Mesyuarat anjuran *International Electrotechnical Commission (IEC)* yang berlangsung selama tiga hari yang telah diadakan di pejabat *Canada Standard Association (CSA) Group*, berkait rapat dengan usaha kerajaan yang telah mula mempromosikan penggunaan EV. Sebanyak 200 *charging stations* telah dipasang di semenanjung Malaysia seperti di stesen-stesen minyak, lebuhraya utama, pasaraya dan sebagainya.



Gambar 56: Infrastruktur Pengisian (*charging-infrastructure*)

## 11. Seminar *Electrical Design, Installation & Safety First For a Lasting Cable*

Pada 28 Ogos 2018, ST dengan kerjasama *Malaysia Cable Manufacturers Association* (MCMA) telah menganjurkan seminar *Electrical Design, Installation & Safety First For a Lasting Cable* bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre, Kuala Lumpur. Objektif program ini diadakan untuk:-

- i) memastikan keselamatan awam dalam reka bentuk kabel bagi pemasangan domestik dan bukan domestik di Malaysia;
- ii) menjadi landasan dalam memberi pendedahan kepada industri dan pengguna mengenai pengujian dan penyelenggaraan kabel bagi memastikan jangka hayat kabel yang panjang; dan
- iii) berkongsi kes-kes kemalangan elektrik dan kebakaran yang melibatkan kabel sebagai panduan kepada peserta agar kemalangan yang disebabkan oleh kabel dapat dielakkan dan dapat menjamin keselamatan pengguna.

Sebanyak lapan kertas yang telah dibentangkan oleh wakil dari pelbagai agensi kerajaan dan sektor swasta seperti ST, MCMA, SIRIM, Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Bomba dan Penyelamat, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan *The Institution of Engineers Malaysia* (IEM).



Gambar 57: Peserta Seminar *Electrical Design, Installation & Safety First For a Lasting Cable* pada 28 Ogos 2018



Gambar 58: Majlis Pelancaran Seminar

## 12. ASEAN Electrotechnical Symposium & Exhibition 2018

ST, Standards Malaysia dan IEM telah bekerjasama bagi mengadakan *ASEAN Electrotechnical Symposium & Exhibition 2018* di *Connexion Conference & Event Centre, Nexus, Bangsar South Symposium & Exhibition* pada 4-5 Disember 2018. Tema bagi simposium ini adalah *Standards Drive Global Value Chains, Generation, Transmission & Distribution, Electrical Equipment & Appliances* dan cabaran serta peluang dalam bidang-bidang tersebut. Tujuan utama simposium ini diadakan adalah sebagai landasan untuk mempelajari dan mendapatkan maklumat yang lebih mendalam daripada pakar-pakar tentang standard *electrotechnical*, teknologi, servis dan produk-produk yang terkini.

Simposium yang berlangsung selama dua hari ini telah membawakan lebih 20 pakar dari pelbagai organisasi dari negara ASEAN seperti Malaysia, Indonesia, Brunei, Thailand, Singapura dan lain-lain. Simposium ini telah dihadiri oleh wakil-wakil dari Agensi Kerajaan, Badan Berkanun, Pengilang dan Pengimport, Institut Pengajian, Utiliti serta pemain industri.



Gambar 59: Majlis Perasmian oleh Ketua Pengarah Standards Malaysia



Gambar 60: Lawatan ke booth ST oleh tetamu VIP

### 13. Seminar *Overview of Product Safety Activities in Malaysia & Japan*

Pada 4 September 2018, ST dengan usaha sama *Ministry of Economy, Trade and Industry (METI)*, Jepun telah menganjurkan seminar bertajuk *Overview of Product Safety Activities in Malaysia and Japan* di Le Meridien Putrajaya, Malaysia dan ini merupakan usaha sama kedua antara ST dan METI. Objektif pelaksanaan seminar ini adalah sebagai platform perkongsian ilmu mengenai pelaksanaan aktiviti keselamatan kelengkapan pengguna di Malaysia dan Jepun.

Seminar ini telah dirasmikan oleh Ketua Pegawai Operasi ST, Encik Abdul Razib bin Dawood dan terdapat lima kertas yang dibentangkan oleh wakil dari ST, SIRIM dan METI berkaitan keselamatan kelengkapan elektrik.



Gambar 61: Peserta Seminar *Overview of Product Safety Activities in Malaysia and Japan* di Le Meridien Putrajaya, Malaysia



Gambar 62: Sesi Soal dan Jawab Bersama Peserta

## 14. Liputan Akhbar mengenai Isu-Isu Keselamatan Elektrik

### Suruhanjaya Tenaga Rampas Kipas Siling Tiada CoA

Published on Feb 21, 2018 — in Terkini

**PUTRAJAYA – Suruhanjaya Tenaga (ST) merampas 187 unit kipas siling bernilai RM100,000 di sebuah gudang di Ampang, Selangor pada 25 Jan lepas kerana tidak mempunyai Perakuan Kelulusan (CoA), rampasan terbesar suruhanjaya itu dalam tempoh lima tahun.**

Suruhanjaya itu dalam kenyataannya hari ini berkata rampasan kipas siling berjenama ... diterima daripada orang awam.

### Barangan elektrik tidak lulus Sirim antara punca kebakaran

**KOTA BHARU:** Penggunaan barangan elektrik yang tidak lulus pemeriksaan daripada Sirim Bhd menjadi antara punca kebakaran 65 peratus daripada 5,522 kebakaran kediaman yang direkodkan di seluruh negara tahun lepas.

Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Edwin Gulan Teruki berkata hasil kajian yang dilakukan pihaknya mendapati kebanyakan mangsa yang terlibat dalam kebakaran tersebut lebih cenderung menggunakan peralatan elektrik yang tidak diluluskan kerana lebih murah.

"Walaupun peralatan elektrik tersebut lebih murah namun secara tidak langsung ia

membahayakan keselamatan pengguna," katanya.

Belau berkata demikian kepada Bernama selepas merasmikan Kempen Kesedaran Keselamatan Awam (BPM Kelantan yang turut dihadiri Pengarah JBPM Negeri Kelantan Nazli Chepa di sini, kelmarin.

Sementara itu belau berkata 327 kes lemas direkodkan di seluruh negara tahun lepas manakala sejak Januari hingga hingga September lepas, 228 kes dicatatkan.

"Ia menunjukkan bahawa kematian akibat lemas pada tahun lepas dan sehingga Spetember tahun ini mencapai nisbah satu kematian

sehari. Jumlah ini sangat membimbangkan dan masyarakat diminta untuk sentiasa peka dengan keadaan sekeliling ketika menjalankan aktiviti di air," katanya.

Dalam perkembangan lain, Edwin berkata sejak Januari hingga Oktober tahun ini, hanya 450 kelab kebajikan ditubuhkan di Kelantan dan jumlah berkenaan masih lagi rendah berbanding nisbah pe-Keduk negeri.

"Sehingga Oktober, hanya 431 Kelab Ke-

bakaran Kanak-Kanak (Kelab 3K), empat pasukan bomba komuniti, tiga pasukan Siusud matan Kebakaran (OSK) disubuhkan.

"Jumlah ini masih lagi rendah berbanding dengan nisbah rakyat negeri ini dan JBPM sangat mengalu-alukan penglibatan orang ramai dalam kelab-klub berkenaan untuk menyebarkan mesej keselamatan kebakaran dan keselamatan air kepada masyarakat," katanya. - Bernama



The Sri Pritchard Home for the Elderly was among the participating venues.

### Safety first on electrical wiring at premises

**KOTA KINABALU:** Sabah West Coast Energy Commission held the Touch Point Programme in Ranau, Papar, and Labuan recently.

It was held to raise safety awareness on electricity and charity works in the selected premises.

Tahfiz Sri Merinding and Al Badr Cen-

tre in Labuan, Sri Pritchard Home for the Elderly in Kinarut, Papar, and Don Bosco Orphanage in Bundu Tuhan Ranau were selected as the venue for the programme.

It was also held to inform the management on the importance of ensuring safe electrical wiring in the premises in addition to promote energy-saving measures

through the replacement and installation of electrical appliances.

Meanwhile, several electrical contractor companies in Ranau and Labuan registered with Kinarut National Energy Skills Institute and National Institute of Skills (IKBN), an institution recognised by the Energy Commission.

# Keperluan PAB dalam pendawaian elektrik

**MASYARAKAT** perlu mengetahui kepentingan komponen Peranti Arus Bekal (PAB) dalam sistem pendawaian elektrik yang mampu melindungi pengguna daripada kejadian elektrik sekiranya berlaku kebocoran arus atau litar pintas, kata Pengarah Kawasan Suruhanjaya Tenaga (ST) Pantai Timur Sabah Amir Faisal Khairuddin.

Menurutnya, analisis yang dijalankan oleh ST mendapati kebanyakan kes kematian dan keabakaran yang berlaku berkaitan dengan PAB.

Pusat Pengajian Darul Hasebi dekat sini.

Program itu diadakan dengan kerjasama kontraktor elektrik di Sandakan yang berdaftar dengan ST.

Amir Faisal turut memberitahu ST menjalankan program-program kesedaran dan kemasyarakatan bagi meningkatkan pemahaman orang ramai mengenai kepentingan PAB.

“Ini kerana PAB memerlukan pengujian secara berkala bagi memastikan ia dapat berfungsi dengan baik dan dapat melindungi nyawa,” katanya pada Program ‘Tik Santuhan’ ST di

hari itu tahun ini.

Antara penambahbaikan yang dilakukan di sekolah tadris itu termasuk perubahan pendawaian terhadap jurua kuasa dan kipas, penggantian lampu rosak, pembaikan papan alight dan penambahan alat perlindungan, katilnya.

Selepas program itu, seminar mengenai keselamatan elektrik dan kecekapan tenaga turut diadakan untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran pelajar sekolah itu mengenai keselamatan dan

penggunaan elektrik dengan selamat. — Bernama

**PENERANGAN** Menteri Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar Yee Bee Yee (mengaji) diberi penerangan oleh seorang penduduk kampung terlanjung tidak kurang tentang operasi dan cara penyenggaraan mikro hidro di kampung itu semalam. Turut sama Penasihat Teknikal Negosiasi Koburan Kumpang (Tanjung) Senator Adrian Barie Lumintang (M) foto BERNAMA



# Awas Renjatan Elektrik Pasang Bendera Parti

Published on Apr 25, 2018

**KUALA LUMPUR** – Suruhanjaya Tenaga (ST) menasihati orang ramai mengutamakan keselamatan dan berhati-hati terhadap bahaya elektrik ketika berkempen untuk parti politik masing-masing menjelang Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

ST dalam satu kenyataan media berikhtisar, terdapat les fatal dalam akibat renjatan elektrik berlaku loatas empur orang awam ketika sedang memasang tiang bendera parti politik di Muar, Johor.

“Aktiviti berhampiran pemasangan elektrik boleh menyebabkan renjatan elektrik atau percikan arka dan menyalahi peruntukan Seksyen 37(12), Akta Bekalan Elektrik 1990.

“Jika sabit kesalahan, denda tidak melebihi RM50,000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya,” kata kenyataan itu hari ini.

Menurut kenyataan itu, bagi mengelakkan risiko kemalangan elektrik, ST menasihati orang ramai tidak melakukan aktiviti berbahaya seperti berikut semasa berkempen:

1. Menggantungkan bahan kempen di tiang-tiang elektrik.
2. Menempel poster pada pencawang elektrik, peti pembebas, tiang elektrik dan lain-lain.
3. Mendirikan tiang atau objek tinggi berdekatan atau di bawah talian elektrik.
4. Memanjat menara atau tiang elektrik.
5. Membawa objek tinggi seperti galah atau kayu panjang berhampiran atau melintasi talian elektrik.
6. Memasang bendera atau sepanduk besar serta panjang berhampiran talian elektrik yang dikhuatiri terputus atau tersentuh talian elektrik semasa angin kuat atau ribut.

# Lelaki maut terkena renjatan elektrik

**KOTA BHARU** – Seorang lelaki berusia 29 tahun yang dipercayai cuba mencuri kabel ditemui maut selepas terkena renjatan elektrik di Kampung Mak Limah, Nilam Puri di sini semalam.

Dalam kejadian pada pukul 7.50 pagi itu, mayat lelaki terbabit ditemui oleh orang awam dalam keadaan terbaring berdekatan kawasan sawah padi.

Ketua Polis Daerah Kota Bharu, Asisten Komisioner Abdul Rahim Daud berkata, orang awam kemudian menghubungi pihak polis berhubung penemuan mayat itu.

“Dengan keadaan mayat itu, kita percaya mangsa sudah meninggal dunia dalam tempoh 24 jam lalu dipercayai akibat terkena renjatan elektrik.

“Turut ditemui kabel yang sudah dipotong berada berdekatan lelaki itu dan kita percaya dia cuba mencuri kabel tersebut,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Keselamatan siasatan masih

menjalankan siasatan berhubung kejadian tersebut sama ada mangsa cuba mencuri kabel berkenaan.

“Mayat mangsa dihantar ke Hospital Raja Perempuan Zainab II untuk bedah siasat. Kita mengklasifikasikan kejadian ini sebagai maut mengejut,” tambahhanya.



MAYAT lelaki selepas terkena renjatan elektrik di Kampung Mak Limah, Nilam Puri semalam.

# Lupus 189 perkakas elektrik tidak selamat

**Putrajaya:** Sebanyak 189 unit perkakasan elektrik dilupuskan selepas didapati gagal mematuhi beberapa syarat ditetapkan Suruhanjaya Tenaga (ST) termasuk tidak mempunyai label keselamatan ST-SIRIM.

Pengarah Kawal Selia Keselamatan Elektrik ST Mohd Elmi Anas berkata, pihaknya mengarahkan tiga syarikat pengimport supaya melupuskan kelengkapan elektrik berkenaan kerana didapati tidak selamat untuk digunakan.

Beliau berkata, semua pengimport kelengkapan elektrik berkenaan tidak mendapatkan perakuan kelulusan dan mematuhi syarat ditetapkan sebelum membawa masuk kelengkapan elektrik itu.

“Kami menasihati pengimport supaya memastikan kelengkapan elektrik yang diimport sama seperti diisytiharkan dan dinyatakan dalam laporan ujian keselamatan.

“Kelengkapan elektrik yang gagal ujian keselamatan dan tiada label keselamatan atau kecekapan tenaga tidak dibenarkan dipasarkan di negara ini,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Katanya, jika produk kelengkapan elektrik berkenaan gagal mematuhi tahap keselamatan berkenaan, ia perlu dikembalikan ke negara asal atau dilupuskan.

Mohd Elmi berkata, jika kelengkapan elektrik itu dikeluarkan dari gudang simpanan dan dijual kepada pengguna, pengimport di-

kehendaki menyiarkan notis penarikan balik dalam akhbar tempatan.

Menurutnya, antara kelengkapan elektrik yang dilupuskan termasuk ketuhar, mesin basuh dan pengering, hud dapur, pengisar makanan, cerek elektrik, mesin basuh dan periuk nasi memabatkan nilai pasaran RM130,000.

“Semua kelengkapan itu dimusnahkan di gudang simpanan di Puchong, Petaling Jaya dan Shah Alam, Selangor,” katanya.

## Safety a priority among SESB staff

Published on: Tuesday, October 09, 2018



**Kota Kinabalu:** Safety is a priority among Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) staff. SESB Managing Director Abdul Razak Salim said it is crucial for personnel to prioritise safety to prevent accidents during work.

"The duties of powerline and utility technicians are highly demanding and it is no easy feat.

"Their health and safety are hanging on a thread as they face dangerous tasks which can potentially lead to accidents which had already proven to be fatal," he said.

Its staff and contractors are also advised to adopt and maintain a strong and safe work ethic and culture in order to prevent accidents when performing their duties in the future.

"We are committed to increase the safety awareness among SESB staff through this programme.

"We aim to heighten compliance towards Occupational Health and Safety standards across all levels and sectors," he added.

Abdul Razak also noted that SESB will remain focused in dealing with health and safety related matters with the staff at its offices,

## Fadilah: Pastikan peralatan elektrik, elektronik selamat kepada pengguna

OLEH ALIZA ALAWI

**SANDAKAN:** Kemajuan teknologi dan dunia tanpa sempadan masa kini menekankan cara inovatif untuk skil mempromosikan dan melindungi keselamatan pengguna terutama dalam membekalkan peralatan elektrik dan elektronik. Ketua Pengarah Jabatan Standard Malaysia, Dato Fadzilah Baharin berkata, teknologi terkini telah membuka lebih banyak peluang bagi peralatan elektrik dan elektronik untuk berdaya di pasaran khamys melalui internet yang telah menjadikan produk ini lebih mudah untuk mencapai pengguna.

"Kita perlu mencari jalan yang terbaik untuk membekalkan produk-produk dari makmal ini selamat di pasaran dan bukannya yang belum terbukti. Sudah tentu, ini perlu dilakukan tanpa mengabaikan aspek keselamatan," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perse-

mian Masyarakat Jawatankuasa Sektorial Bersama bagi Peralatan Elektrik dan Elektronik (JSC EEE) ke 26. Teku ucapannya disampaikan oleh Penolong Kanan Pengarah Jabatan Standard Malaysia, Feroz Frederick di Hotel Four Points by Sheraton Sandakan pada Rabu.

Dalam pada itu, jelas Fadilah, terdapat keperluan yang mendesak pengalihan produk berkenaan, dengan itu perlunya bekerjasama dengan negara serantau melalui perkongsian maklumat, kepakaran dan pengalaman.

Ujarnya, sebagai pengawal selia sektor tenaga di Malaysia, keselamatan pengguna adalah salah satu perkara yang diutamakan oleh Suruhanjaya Tenaga (ST).

Jelas beliau, sebagai sokongan pengawal selia industri tenaga, Jabatan Standard Malaysia komited untuk memberikan kualiti, keselamatan, kebolehpercayaan, kecekapan, keserasian, keberkesanan kos dan kelestarian dalam membawa penye-



**KENANGAN.** Feroz (baris depan, tuju dari kiri) bergambar bersama hadirin kehormat serta delegasi yang menyertai mesyuarat itu.

lesaian produk dan perkhidmatan di 25 sektor ekonomi.

Sehubungan itu, katanya Malaysia telah menguna pakai 163 kelengkapan elektrik yang dikawal oleh Standard Suruhanjaya Elektrik Antarabangsa (IEC) kepada Standard Malaysia, dengan beberapa pelarasan untuk mematuhi kesesuaian tempatan.

"Ini memberi kesan kos dan pilihan yang lebih baik untuk pengguna bagi menyediakan peralatan elektrik dan elektronik yang selamat dan terjamin.

Beliau memaklumkan, bahawa terdapat 22 makmal ujian dan 10 badan pensijil di rantau ini telah diselaraskan di bawah ASEAN Mutual Recognition Arrangement for Electrical and Electronic Equipment (ERA MRA ASEAN), termasuk satu makmal ujian dan 1 badan pensijil dari Malaysia.

Dimana, katanya, ini akan mengedilkan jurang dan memudahkan kesadaran Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC), sambil memastikan keselamatan pengguna terjamin.

"Walaupun bagaimanapun, kejayaan perbincangan untuk masa hadapan masih dilakukan dan diharapkan dapat dicapai dan dipsejului dalam masa terdekat.

Terdahulu, sejak penubuhan JSC EEE pada tahun 2005, lanya terus menjadi platform yang berguna untuk menggalakkan kerjasama dalam hubungan dengan standard dan penilaian kesesuaian untuk sektor peralatan elektrik dan elektronik di dalam ASEAN.

Ujarnya, ia telah terbukti menjadi kumpulan kerja yang sangat aktif dan menjadi tempat untuk semua anggotanya berkongsi maklumat, berinteraksi dan bertukar idea dalam mencapai matlamat AEC.

"Saya dimaklumkan bahawa di antara agenda mesyuarat ini termasuk perkembangan terkini mengenai inisiatif integrasi ASEAN, tindakan susulan daripada mesyuarat terdahulu, dan pertukaran maklumat tentang peraturan teknikal untuk meningkatkan keselamatan.

## 15. Liputan Media mengenai Isu-Isu Keselamatan Elektrik



Gambar 63: ST Ditemubual di Selamat Pagi Malaysia untuk Berkongsi Petua-Petua Keselamatan Elektrik di Musim Perayaan



Gambar 64: ST Ditemubual di Suria FM untuk Berkongsi Amalan Keselamatan Elektrik di Premis Domestik di Musim Perayaan



Gambar 65: ST Ditemubual di IKIM FM untuk Berkongsi Petua-Petua Keselamatan Elektrik di Musim Perayaan



## 16. Taklimat, Mesyuarat, dan Aktiviti bersama Agensi Luar berkaitan Keselamatan Elektrik



Gambar 66: Perbincangan Mengenai Kerjasama ST-IEM Symposium & Exhibition 2018, 5 Februari 2018



Gambar 67: Mesyuarat Pembangunan Portal Pendaftaran Kontraktor Elektrik CIDB Bersama CIDB pada 14 Februari 2018



Gambar 68: Mesyuarat Bersama Energy Market Authority (EMA) Singapura, pada 13 Mac 2018



Gambar 69: Audit Institusi Bertauliah di GIAT MARA Bukit Katil, Melaka Pada 3 Julai 2018



Gambar 70: Penerangan dan Demo MV Contact Type Voltage Detector oleh TNB Pada 24 Mei 2018



Gambar 71: Jemputan Ceramah bertemakan "Compliance with Laws and Regulations" Anjuran REHDA Pada 6 Jun 2018



**Gambar 72:** Lawatan Geganti Pertindungan di Loji Penapisan Malaysia Refining Company Sdn. Bhd. (MRC SB) di Sg. Udang, Melaka pada 3 Julai 2018



**Gambar 73:** Jemputan Ceramah bertemakan "Keselamatan dan Kecekapan Tenaga Elektrik" Anjuran ST Perak di Ipoh, Perak pada 16 Ogos 2018



**Gambar 74:** Lawatan Pemeriksaan Pemasangan SESB di Kota Belud, Sabah pada 12-13 Disember 2018

## 17. Aktiviti Penguatkuasaan Operasi bersepadu Penyambungan Elektrik Secara Haram



Gambar 75: Pemeriksaan Penggunaan Elektrik Secara Curang yang Dijalankan Bersama Pegawai-Pegawai daripada ST dan Pasukan Strikeforce SESB di Kota Kinabalu.



Gambar 76: Operasi Bersepadu Bersama Pihak ST, SESB dan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu untuk Menanggalkan Penyambungan Elektrik Haram di Kg. Numbak, Kota Kinabalu.



**Gambar 77: Operasi Pemotongan Bekalan Sambungan Elektrik Haram Bersama ST Pulau Pinang, Kedah dan Perlis dan pihak TNB kawasan Sungai Petani.**



**Gambar 78: Operasi Penguatkuasaan di Tapak Pembinaan di Permatang Pauh Seberang Perai Tengah Anjuran CIDB Pulau Pinang yang juga di Sertai ST.**

## GLOSARI

A0	Sistem Voltan Rendah (Tanpa Talian Aerial dan Stesen Janakuasa)	KK	Kolej Komuniti
A1	Sistem Voltan Rendah (Tanpa Stesen Janakuasa)	KKBNP	Kolej Kemahiran Belia Negara Pontian
A4	Sistem Voltan Rendah	KKJ	Kolej Komuniti Jelebu
ABM	Akademi Binaan Malaysia	KKK	Kolej Komuniti Kuantan
ACEM	The Association of Consulting Engineers Malaysia	KKTM	Kolej Kemahiran Tinggi MARA
ADTEC	Pusat Latihan Teknologi Tinggi	KKYPJ	Kolej Komuniti Yayasan Pelajaran Johor
AKYBK	Akademi Kemahiran Yayasan Basmi Kemiskinan Selangor	KMVR	Kawalan Motor Voltan Rendah
AMR	Amalan Merentang Kabel	KP	Kendalian Pencawang
AOTS	The Association of Overseas Technical Cooperation and Sustainable Partnerships	KPDNKK	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
APLAC	Asia Pacific Laboratory Accreditation Cooperation	KYM	Kolej Antarabangsa Yayasan Melaka
B0	Sistem Voltan Melebihi Voltan Rendah (Tanpa Talian Aerial dan Stesen Janakuasa Voltan Melebihi Voltan Rendah)	KYS	Kolej Yayasan Sabah
B1	Sistem Voltan Melebihi Voltan Rendah (Tanpa Stesen Janakuasa Voltan Melebihi Voltan Rendah)	MEADA	Malaysian Electrical Appliances Distributions Association
B4	Sistem Voltan Melebihi Voltan Rendah	NITE	National Institute of Technology & Evaluation
CIDB	Construction Industry Development Board	PAB	Peranti Arus Baki
CoA	Certificate of Approval	Pahang Skills	Pusat Pembangunan Kemahiran Pahang
CoR	Certificate of Registration	PE	Penyelia Elektrik
ECOS	Energy Commission Online System	PERDA-TECH	Institut Kemahiran Tinggi Perda
EEMRA	Electrical & Electronic Mutual Recognition Agreement	PGM	GIATMARA Malaysia
FT	Full Time	PJ	Penjaga Jentera
IEM	The Institution of Engineers Malaysia	PJ THD	Penjaga Jentera Terhad
IKB	Institut Kemahiran Baitulmal	PK	Pencantum Kabel
IKBN	Institut Kemahiran Belia Negara	PK	THD Pencantum Kabel Terhad
IKM	Institut Kemahiran MARA	PK1	Pencantum Kabel Tahap 1 (1kV)
IKTBN	Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara	PK2	Pencantum Kabel Tahap 2 (11kV)
ILAC	International Laboratory Accreditation Cooperation	PK3	Pencantum Kabel Tahap 3 (22kV), Pencantum Kabel Tahap 4 (33kV)
ILAC MRA	The ILAC Mutual Recognition Arrangement	PSDC	Pahang Skills Development Centre
ILP	Institut Latihan Perindustrian	PSDC	Penang Skills Development Centre
ILSAS	Integrated Learning Solution Sdn. Bhd.	PSU	Papan Suis Utama
ILTP	Institut Latihan Teknik Dan Perdagangan	PT	Part Time
INPENS	INPENS International College	PUSPATRI	Pusat Pembangunan Tenaga Industri Johor
INSTEP	Institut Teknologi Petroleum Petronas	PW	Pendawai
ITYNS	Institut Teknologi Yayasan Negeri Sembilan	PW2	Pendawai Fasa Tunggal Dengan Endorsan
JEK	Jurutera Elektrik Kompeten	PW4	Pendawai Fasa Tiga Dengan Endorsan
JKR	Jabatan Kerja Raya	QR Code	Quick Response Code
JKVRP	Janakuasa Voltan Rendah Penyegerakkan	SESB	Sabah Electricity Sdn Bhd
JKVTP	Janakuasa Voltan Tinggi Penyegerakkan	SIRIM	Scientific and Industrial Research Institute of Malaysia
JPE	Jurutera Perkhidmatan Elektrik	ST	Suruhanjaya Tenaga
KAYM	Kolej Antarabangsa Yayasan Melaka	TAVR	Talian Atas Voltan Rendah
KEDA	Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah	TAVT	Talian Atas Voltan Tinggi
KISMEC	Pusat Pembangunan Kemahiran Industri dan Pengurusan Kedah Darul Aman	TEEAM	The Electrical and Electronics Association of Malaysia
		TESDEC	Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri Terengganu
		TNB	Tenaga Nasional Berhad
		UNIKL-BMI	Universiti Kuala Lumpur British Malaysia Institute
		WIT	Kolej WIT Sdn. Bhd.
		XLPE	Cross-linked Polyethylene

## MAKLUMAT PERHUBUNGAN SURUHANJAYA TENAGA

Ibu Pejabat		Alamat	Tel & Faks
<b>SURUHANJAYA TENAGA</b> Tel : (603) 8870 8500 Faks : (603) 8888 8637		No.12, Jalan Tun Hussein, Precinct 2, 62100, Putrajaya. Laman Web: <a href="http://www.st.gov.my">www.st.gov.my</a>	Tel : 03 8870 8500 Faks : 03 8888 8637
Bil.	Pejabat Kawasan	Alamat	Tel & Faks
1.	Pulau Pinang, Kedah & Perlis	Tingkat 10, Bangunan KWSP, 13700 Seberang Jaya, Butterworth, Pulau Pinang	Tel : 04 - 398 8255 Faks : 04 - 390 0255
2.	Perak	Tingkat 1, Bangunan KWSP, Jalan Greentown, 30450 Ipoh, Perak	Tel : 05 - 253 5413 Faks : 05 - 255 3525
3.	Kelantan & Terengganu	Tingkat 6, Bangunan KWSP, Jalan Padang Garong, 15000 Kota Bharu, Kelantan	Tel : 09 - 748 7390 Faks : 09 - 744 5498
4.	Pahang	Tingkat 7, Menara Zenith, Jalan Putra Square 6, 25000 Kuantan, Pahang	Tel : 09 - 514 2803 Faks : 09 - 514 2804
5.	Selangor, W.P. Kuala Lumpur & Putrajaya	Tingkat 10, Menara PKNS, No. 17, Jalan Yong Shook Lin, 46050, Petaling Jaya, Selangor	Tel : 03-7955 8930 Faks : 03-7955 8939
6.	Johor	Suite 18A, Aras 18 Menara ANSAR 65 Jalan Trus 80000 Johor Bharu, Johor	Tel : 07 - 224 8861 Faks : 07 - 224 9410
7.	Pantai Barat Sabah	Tingkat 7, Bangunan BSN, Jalan Kemajuan, 88000 Kota Kinabalu, Sabah	Tel : 088 - 232 447 Faks : 088 - 232 444
8.	Pantai Timur Sabah	Tingkat 3, Wisma Sabah KM12, W.D.T. No. 25, 90500 Sandakan, Sabah	Tel : 089 - 666 695 Faks : 089 - 660 279
9.	Negeri Sembilan & Melaka	Tingkat 4, Wisma Perkeso, Jalan Persekutuan, MITC, 75450 Ayer Keroh, Melaka	Tel : 06 - 231 9594 Faks : 06 - 231 9620

